

Buletin

PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN



MAJLIS RAMAH MESRA DAN PENYAMPAIAN BINGKISAN AIDILFITRI

10



Pelantikan En. Haizal Bin Ahmad @
Muhammad Sebagai Pengarah
Pusat Wakaf Dan Endowmen

1



Kunjungan Hormat Ke Pejabat
Penasihat MAINJ

5



Majlis Pembukaan Jalan Wakaf
Dari Taman Universiti Ke Masjid
Sultan Ibrahim UTHM

6

SIDANG REDAKSI

Penaung

En. Haizal Bin Ahmad @ Mohamad

Penasihat

En. Mohd Azizi bin Shamsudin

Penyelaras

En. Azizam Bin Mohd Khairan

Editor

Puan Razmarina Binti Zainal

Reka Grafik

En. Muhammad Hafiz Bin Baharuddin

Fotografi

En. Muhammad Hafiz Bin Baharuddin

Sidang Redaksi

En. Haizal Bin Ahmad @ Mohamad

En. Mohd Azizi bin Shamsudin

En. Azizam Bin Mohd Khairan

Puan Razmarina Binti Zainal

En. Muhammad Hafiz Bin Baharuddin

Cik. Nur Syafiqah Binti Mohamad Fauzee

ISI KANDUNGAN

- 1 Pelantikan En Haizal Bin Ahmad@Mohamad Sebagai Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen
Majlis Perpisahan Tuan Hj Abdul Malik Bin Ibrahim
- 2 Jualan 12.1 Dengan Potongan Sebanyak 10%
(Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
Jualan 19.1 Dengan Potongan Sebanyak 5%
(Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
- 3 Majlis Amanat Naib Canselor 2022 Dan Pelancaran Buku Pelan Strategik 2021-2025 UTHM
Jualan 9.2 Dengan Potongan Sebanyak 5%
(Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
- 4 Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-20 UTHM
Majlis Perpisahan Staf PWE
- 5 Jualan 17.3 Dengan Potongan Sebanyak 5%
(Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penasihat MAINJ
- 6 Majlis Pembukaan Jalan Wakaf Dari Taman Universiti Ke Masjid Sultan Ibrahim UTHM
Majlis Perpisahan Penolong Pendaftar PWE
- 7 Majlis Membudayakan Al-Quran
Mesyuarat Pengurusan Pusat Wakaf Dan Endowmen Bil.2/2022
- 8 Jerayawara PWE Bersama FKEE
Jerayawara PWE Bersama Pejabat Antarabangsa Dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar
- 9 Majlis Ringkas Serahan Al-Quran Wakaf Kepada Perstuan-Persatuan Pelajar
Majlis Khatam Al-Quran
- 10 Majlis Ramah Mesra Dna Penyampaian Bingkisan Aidilfitri

PELANTIKAN EN HAIZAL BIN AHMAD @ MOHAMAD SEBAGAI PENGARAH PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN

1 Januari 2022

Pusat Wakaf dan Endowmen (PWE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada En. Haizal bin Ahmad @ Mohamad atas pelantikan sebagai Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen yang baharu bagi menggantikan Tuan Haji Malek bin Ibrahim yang telah ditukarkan sebagai Ketua Unit Audit Dalam yang baharu.



MAJLIS PERPISAHAN TUAN HJ ABDUL MALIK BIN IBRAHIM

9 Januari 2021

Satu majlis perpisahan telah diadakan pada 9 Januari 2022 bagi mengingati jasa dan khidmat Tuan Haji Abdul Malik bin Ibrahim, selaku Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen. Majlis ini diraikan oleh semua pegawai dan staf Pusat Wakaf dan Endowmen (PWE), Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDec), dan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA). Penyampaian cenderahati telah disampaikan oleh Prof. Sr. Dr. Wan Zahari bin Wan Yusoff, (Pengarah BizDec) kepada Tuan Haji Abdul Malek bin Ibrahim.



Jualan 12.1 Dengan Potongan Sebanyak 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

12 Januari 2022

Sale 12.1 Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM melalui e-bida bermula pukul 8.59 pagi hingga 11.59 malam. Potongan harga sebanyak 10% telah diberikan kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi. Terima kasih atas sokongan anda kepada UTHM.



UTHM XXXX SALE
BUY NOW UP TO 10% DISCOUNT
8.30 AM - 5.00 PM

ORGANIZED BY:
CENTRE FOR WAQF AND ENDOWMENT
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

MOHD IZAR MUSTARI
010 - 861 3277 / 07 - 453 8583 / 8586
izar@uthm.edu.my wakaf.uthm.edu.my

Jualan 19.1 Dengan Potongan Sebanyak 5% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

19 Januari 2022



UTHM XXXX NEW YEAR SALE
BID NOW UP TO 5% DISCOUNT
at ebid.uthm.edu.my
UTHM XXXX 9.00 AM - 10.59 PM

ORGANIZED BY:
CENTRE FOR WAQF AND ENDOWMENT
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

COUPON
NEWYEARSALE
Please key in this coupon during check out to get 5% discount

AZIZAM MOHD KHAIRAN MAIZATUL FAHIMAH
010 - 861 3277 / 07 - 453 8583 / 8586
azizam@uthm.edu.my maizatul@uthm.edu.my wakaf.uthm.edu.my

Sale 19.1 Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM melalui e-bida bermula pukul 8.59 pagi hingga 11.59 malam dengan potongan harga sebanyak 5%. Kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi pada tarikh tersebut. Terima kasih atas sokongan anda kepada UTHM.

MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR 2022 DAN PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK 2021-2025 UTHM

26 Januari 2022

Majlis Amanat Naib Canselor 2022 dan pelancaran Buku Pelan Strategik 2021-2025 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah diadakan pada 26 Januari 2022 di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), dengan bertemakan "Memperkukuh Nilai Memperhebat Bakat". Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Universiti. Pihak Wakaf dan Endowmen mengambil peluang membuka sebuah booth bagi mempromosikan produk-produk untuk makluman para jempunan.



Jualan 9.2 Dengan Potongan Sebanyak 5% hingga 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

9 Februari 2021

9.2
NEW YEAR SALE

UTHM XXXX **BID NOW** UP TO **5% DISCOUNT**
at ebida.uthm.edu.my

9.00 AM - 10.59 PM

Please key in this coupon during check out to get 5% discount

ORGANIZED BY:
 CENTRE FOR WAQAF AND ENDOWMENT
 UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
 86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

AZIZAM MOHD KHAIRAN
 MAIZATUL FAHIMAH

010 - 861 3277 /
 07 - 453 8583 / 8586

azizam@uthm.edu.my
maizatuff@uthm.edu.my
wakaf.uthm.edu.my

Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM (3) telah diadakan pada 9 februari 2022 melalui e-bida. Potongan harga sebanyak 5% telah diberikan kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi pada tarikh tersebut. Sejumlah 3 nombor plat telah terjual. Terima kasih atas sokongan anda kepada UTHM.

MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN KE-20 UTHM

19 - 29 Februari 2022



Istiadat Penyampaian Skrol Konvokesyen ini telah berlangsung dari 19 Februari 2022 hingga 29 Februari 2022. Pada majlis Istiadat Penyampaian Skrol ini, Pusat Wakaf dan Endowmen telah mengambil inisiatif dengan menyiarkan video promosi selingan sebelum majlis bermula. Flyers telah diedarkan kepada graduan yang bergraduasi pada hari tersebut.

MAJLIS PERPISAHAN STAF PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN

21 Februari 2022

Pusat Wakaf dan Endowmen telah mengadakan majlis ringkas untuk meraikan En Izar Mustari dan Pn Ainul Azman pada 21 Februari 2022 sebagai tanda penghargaan dan penyampaian bingkisan kenang-kenangan kepada mereka. Tahniah diucapkan kepada En Izar Mustari kerana telah menjawat jawatan Penolong Pendaftar di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, manakala Pn Ainul Azman yang telah menggapai cita-cita beliau sebagai seorang pendidik. Seluruh staf PWE amat menghargai jasa dan bakti yang telah disumbangkan sepanjang mereka berkhidmat.



Jualan 17.3 Dengan Potongan Sebanyak 5% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

17 Mac 2022



ORGANIZED BY:
CENTRE FOR WAQF AND ENDOWMENT
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

5%
DISCOUNT

COUPON
ENDSALEWOW
Please key in this coupon during check out to get 5% discount

AZIZAM MOHD KHAIRAN
MAIZATUL FAHIMAH

010 - 861 3277 /
07 - 453 8583 / 8586

azizam@uthm.edu.my
maizatulf@uthm.edu.my
wakaf.uthm.edu.my

UTHM 96

Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM telah diadakan melalui ebida pada 17 Mac. Potongan harga sebanyak 5% telah diberikan kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi sekiranya menebus kupon diskaun. Sebanyak 35 nombor telah terjual.. Terima kasih atas sokongan anda.

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PENASIHAT MAINJ

20 Mac 2022

Pada 20 Mac 2022, satu kunjungan hormat ke Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, bertujuan menjalinkan kerjasama yang erat dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Diketuai oleh Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen, sesi tersebut turut disertai Ustaz Mustapahayuddin, Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ), bersama pegawai PWE iaitu En. Mohd Azizi bin Shamsudin dan En. Azizam bin Mohd Khairan. Sesi kunjungan ini juga membincangkan tentang perjalanan pengurusan PWE dan cadangan kertas kerja untuk pebentangan mesyuarat MAINJ akan datang



MAJLIS PEMBUKAAN JALAN WAKAF DARI TAMAN UNIVERSITI KE MASJID SULTAN IBRAHIM SEMPERA BULAN RAMADHAN

31 Mac 2022



Majlis Pembukaan Jalan Wakaf yang menghubungkan jalan Taman Universiti dan Masjid Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah diadakan pada 31 Mac 2022 yang telah disempurnakan oleh

En. Norzaimi Hamisan, Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM. Majlis ini juga turut dihadiri En. Abdul Halim Abdul Rahman, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, pegawai-pegawai universiti dan wakil masyarakat setempat. Pembukaan Jalan Wakaf ini akan dimanfaatkan oleh masyarakat setempat untuk menunaikan solat Tarawih dan ibadah-ibadah lain bersama warga universiti di Masjid Sultan Ibrahim, UTHM sepanjang bulan Ramadhan.

MAJLIS PERPISAHAN PENOLONG PENDAFTAR PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN

31 Mac 2022

Pusat Wakaf dan Endowmen merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Puan Maizatul Fahimah binti Miskan diatas jasa yang disumbangkan sepanjang berkhidmat selama 5 tahun. Majlis ini diraikan oleh Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen bersama semua pegawai dan staf Pusat Wakaf dan Endowmen (PWE), Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDec), dan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA). Pengarah mengucapkan selamat bertugas kepada Puan Maizatul Fahimah Miskan yang akan berkhidmat di Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC).



MAJLIS MEMBUDAYAKAN AL-QURAN

7, 14 dan 21 April 2022



Program membudayakan Al-Quran anjuran Pusat Wakaf dan Endowmen dengan kerjasama Pusat Islam dengan sesi bacaan Al-Quran pada setiap hari Khamis di sepanjang bulan Ramadhan. Ini merupakan salah satu pengisian



kerohanian dan keberkatan bulan Ramadhan yang mulia. Sesi ini dibimbing oleh, Ustaz Abdul Aziz bin Ahmad, Ustaz Muhammad Isa bin Salikin dan Tuan Haji Baharudin bin Yaman dengan menyampaikan ayat-ayat suci Al-Quran untuk pengajaran dan perkingsian ilmu.

MESYUARAT PENGURUSAN PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN UTHM BIL.2/2022


18 April 2022

Mesyuarat Pengurusan Pusat Wakaf dan Endowmen, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Bil.2/2022 telah dilaksanakan pada 18 April 2022 dan bertempat di Bilik Perbincangan Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDec). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit dan projek yang akan dilaksanakan berbentuk dalam jangka masa pendek dan panjang. Mesyuarat ini bermula pada pukul 2.30 petang sehingga 5.00 petang.



JERAYAWARA PWE BERSAMA FKEE

19 April 2022




Tahun ini merupakan usaha giat menjalankan promosi dengan melancarkan program jerayawara pada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) setelah 2 tahun dalam era pandemik Covid-19. Tujuan utama jerayawara ini adalah untuk memperkenalkan pusat dan produk kami serta memberi kesedaran kepada semua staf UTHM akan manfaat

yang akan diperoleh pewakaf dan pemberi endowmen. Jerayawara ini diadakan dengan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE).

JERAYAWARA PWE BERSAMA PEJABAT ANTARABANGSA DAN PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

20 April 2022



Program Jerayawara PWE diteruskan dengan memberikan sesi penerangan kepada Pejabat Antarabangsa dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Matlamat program ini juga adalah untuk memberi motivasi dan kesedaran untuk berwakaf dan endowmen serta melahirkan kecintaan staf kepada organisasi dengan membeli no plat khas siri UTHM.

MAJLIS RINGKAS SERAHAN AL-QURAN WAKAF KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN PELAJAR

25 April 2022



Pusat Wakaf dan Endowmen, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima sumbangan Al-Quran Wakaf dari Kumpulan Media KarangKraf Sdn. Bhd. Pada 25 April 2022, satu majlis ringkas dalam melakukan agihan atau serahan Al-Quran Wakaf telah diadakan bersama Persatuan-Persatuan Pelajar UTHM seperti Kelab Kejuruteraan Awam, PERSADA UTHM, Kelab Keusahawanan Dan Teknologi, SYKTLJ UTHM, KKDT UTHM, Kelab Mahasiswa Pemadam, GPS UTHM, Kelab Kejuruteraan Elektrik, Kelab Penyayang, STC, dan Persatuan Pelajar Mekanikal dan Permata. Dengan pewakafan Al-Quran, Al-Quran Corner dapat diwujudkan disetiap bilik aktiviti persatuan pelajar.

Pusat Wakaf dan Endowmen, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima sumbangan Al-Quran Wakaf dari Kumpulan Media KarangKraf Sdn. Bhd. Pada 25 April 2022, satu majlis ringkas dalam melakukan agihan atau serahan Al-Quran Wakaf telah diadakan

MAJLIS KHATAM AL-QURAN

27 April 2022

Sempena Ramadhan Al-Qareem, Pusat Wakaf dan Endowmen telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran pada 27 April 2022 bersama-sama dengan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dan Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDec). Majlis ini dibimbing oleh Tuan Haji Baharudin bin Yaman yang bertempat di ruang legar Pusat Wakaf dan Endowmen bermula pukul 8.30 pagi hingga 9.45 pagi.



MAJLIS RAMAH MESRA DAN PENYAMPAIAN BINGKISAN AIDILFITRI

28 April 2022

Pada 28 April 2022, Pusat Wakaf dan Endowmen dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar dan UTHM Prihatin telah menjalankan satu program iaitu Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Bingkisan Aidilfitri kepada staf UTHM yang terpilih yang bertempat di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM. Majlis ini dirasmikan oleh Pn. Zaharah Abd. Samad, Ketua Pustakawan merangkap Ketua Kluster UTHM Prihatin wakil rasmi Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM. Majlis ini dihadiri En. Abdul Halim Abdul Rahman, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, En. Norzaimi Hamisan, Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan, En. Haizal Ahmad, Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen serta pegawai-pegawai universiti.

